Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH) (e-ISSN : 2504-8562)
2026, Volume 11, Issue 2, e003798
DOI: https://doi.org/10.47405/mjssh.v11i2.3798

RESEARCH ARTICLE

Penggunaan Sumber dalam Pengajaran Sejarah dan Hubungannya dengan Minat Belajar Sejarah

(The Use of Instructional Resources in History Instruction and Its Relationship with Students' Interest in Learning History)

Anggeshwary A/P Krishnan[1*], Mohd Mahzan Awang[2]

[1]Fakuliti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia
Email: p144749@siswa.ukm.edu.my
[2]Fakuliti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia
Email: mahzan@ukm.edu.my

CORRESPONDING AUTHOR (*):
Anggeshwary A/P Krishnan
(p144749@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:
Penggunaan sumber
Pengajaran sejarah
Minat belajar
Murid sekolah rendah

KEYWORDS:
Instructional resources
History teaching
Interest in learning
Primary school pupils

CITATION:
Anggeshwary, K., & Mohd Mahzan, A. (2026). Penggunaan Sumber dalam Pengajaran Sejarah dan Hubungannya dengan Minat Belajar Sejarah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 11*(2), e003798. https://doi.org/10.47405/mjssh.v11i2.3798

ABSTRAK

Penggunaan sumber pengajaran yang berkesan merupakan antara faktor penting dalam meningkatkan minat murid terhadap pembelajaran sejarah, khususnya di peringkat sekolah rendah yang sering dikaitkan dengan persepsi pembelajaran yang membosankan dan berorientasikan hafalan. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap penggunaan sumber dalam pengajaran sejarah serta mengkaji hubungannya dengan minat belajar sejarah dalam kalangan murid sekolah rendah di daerah Petaling Jaya. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif berbentuk tinjauan dengan melibatkan seramai 203 orang murid Tahap 2 yang dipilih melalui kaedah persampelan rawak berstrata. Instrumen kajian ialah soal selidik berstruktur yang mengukur penggunaan sumber pengajaran dan minat belajar sejarah. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS melalui statistik deskriptif dan inferensi, termasuk analisis korelasi Pearson. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penggunaan sumber dalam pengajaran sejarah dan minat belajar sejarah murid berada pada tahap sederhana hingga tinggi. Selain itu, terdapat perbezaan tertentu berdasarkan faktor demografi terpilih serta hubungan positif yang signifikan antara penggunaan sumber dalam pengajaran sejarah dengan minat belajar murid. Implikasinya, dapatan kajian ini dapat dijadikan panduan kepada guru dan pihak sekolah untuk merancang serta mempelbagaikan penggunaan sumber pengajaran sejarah secara lebih sistematik bagi meningkatkan minat dan penglibatan murid, di samping membantu pembuat dasar memperkukuh pelaksanaan pengajaran sejarah di peringkat sekolah rendah.

ABSTRACT

The effective use of instructional resources is a crucial factor in enhancing pupils' interest in learning history,

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

particularly at the primary school level where the subject is often perceived as monotonous and overly focused on memorisation. In this regard, this study aims to examine the level of instructional resource use in history teaching and its relationship with interest in learning history among primary school pupils in the Petaling Jaya district. This study employed a quantitative survey research design involving 203 Level Two pupils selected through stratified random sampling. A structured questionnaire was used to measure the use of instructional resources and pupils' interest in learning history. Data were analysed using SPSS through descriptive and inferential statistics, including Pearson correlation analysis. The findings revealed that the levels of instructional resource use and pupils' interest in learning history were at moderate to high levels. In addition, significant differences were identified based on selected demographic factors, and a significant positive relationship was found between the use of instructional resources in history teaching and pupils' interest in learning history. The findings imply that teachers and schools should systematically diversify and optimise the use of instructional resources in history lessons to enhance pupils' engagement and interest, while also providing useful insights for policymakers in strengthening history teaching practices at the primary school level.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur pendidikan sejarah dengan menyediakan bukti empirikal mengenai hubungan antara penggunaan sumber pengajaran dan minat belajar murid sekolah rendah dalam konteks Malaysia. Dapatan kajian mengukuhkan kepentingan pendekatan berasaskan sumber sebagai strategi meningkatkan penglibatan dan motivasi murid.

1. Pengenalan

Pendidikan Sejarah memainkan peranan penting dalam sistem pendidikan Malaysia sebagai medium pembentukan jati diri, semangat patriotisme dan kesedaran terhadap sejarah perjuangan negara. Mata pelajaran ini bukan sekadar penyampaian fakta dan kronologi peristiwa, malah berfungsi sebagai wahana untuk memahami nilai, identiti nasional dan kesinambungan sejarah yang membentuk masyarakat masa kini. Seiring dengan dasar pendidikan semasa, Sejarah telah dijadikan sebagai mata pelajaran wajib lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), yang menzahirkan kepentingannya dalam pembangunan generasi muda yang berpengetahuan dan berjati diri.

Walau bagaimanapun, isu kurangnya minat murid terhadap pembelajaran Sejarah terus menjadi cabaran utama dalam pengajaran dan pembelajaran. Ramai murid menganggap sejarah sebagai mata pelajaran yang berorientasikan hafalan dan kurang bermakna sekiranya pendekatan pengajaran tidak mempelbagaikan sumber, manakala penggunaan dokumen sejarah dan bahan sumber lain yang sesuai dilaporkan dapat merangsang penglibatan murid secara aktif dalam proses pembelajaran (Kaviza, 2019). Persepsi negatif ini secara langsung menjejaskan tahap penglibatan, motivasi dan kefahaman murid terhadap kandungan sejarah.

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Minat belajar merupakan indikator penting keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam konteks pendidikan sejarah, tahap minat murid sangat dipengaruhi oleh pendekatan pedagogi guru serta jenis sumber pengajaran yang digunakan. Penggunaan sumber yang pelbagai seperti peta, gambar, dokumen sejarah, artifak, video dokumentari dan bahan digital interaktif berupaya menjadikan pembelajaran sejarah lebih bermakna, kontekstual dan berpusatkan murid. Kajian menunjukkan bahawa integrasi teknologi dan sumber digital dalam pengajaran dapat meningkatkan keterlibatan serta fokus pelajar dalam bilik darjah (Schindler et al., 2017), manakala penggunaan sumber sejarah autentik seperti dokumen primer mendorong pembinaan pemahaman secara aktif melalui proses analisis dan penilaian bukti yang berasaskan pendekatan konstruktivis (Wineburg, 1991).

Perkembangan teknologi pendidikan turut membuka peluang baharu dalam pengajaran Sejarah. Akses kepada arkib digital dan persekitaran multimedia membolehkan murid mengalami pembelajaran yang lebih interaktif dan kontekstual. Kajian menunjukkan bahawa penggunaan persekitaran pembelajaran multimedia dalam sejarah dapat meningkatkan penglibatan serta pemikiran kritis murid apabila disertai dengan bimbingan pedagogi yang sesuai (Saye & Brush, 2002). Sementara itu, kajian menunjukkan bahawa arkib digital dan sumber sejarah primer dalam talian menyediakan akses yang lebih luas kepada bahan sejarah, seterusnya dapat meningkatkan penglibatan dan penghargaan murid terhadap warisan sejarah melalui pembelajaran interaktif dan penglibatan dengan sumber asli (Fahruddin & Saefudin, 2025; Lee, 2023).

Namun demikian, pelaksanaan pengajaran berasaskan sumber di peringkat sekolah rendah masih berhadapan dengan pelbagai kekangan praktikal. Amalan pengajaran yang berorientasikan buku teks masih dominan dalam bilik darjah, sekali gus mengehadkan kepelbagaian sumber yang digunakan dalam proses pembelajaran. Faktor seperti kekangan masa pengajaran, keterbatasan kemudahan serta tahap kesiapsiagaan pedagogi guru turut mempengaruhi tahap integrasi sumber tambahan dalam pengajaran Sejarah. Dalam masa yang sama, penyelidikan empirikal yang meneliti secara khusus hubungan antara penggunaan sumber pengajaran dengan minat belajar murid sekolah rendah masih belum diterokai secara mendalam dalam konteks tempatan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti hubungan antara penggunaan sumber dalam pengajaran Sejarah dengan minat belajar Sejarah dalam kalangan murid sekolah rendah di daerah Petaling Jaya.

1.1. Permasalahan Kajian

Walaupun kepentingan penggunaan sumber dalam pengajaran Sejarah telah dibincangkan secara meluas dalam literatur pendidikan, pelaksanaannya di bilik darjah sekolah rendah masih belum mencapai tahap yang optimum. Amalan pengajaran Sejarah yang berpusatkan buku teks dan kaedah hafalan masih dominan, sekali gus mengehadkan peluang murid untuk meneroka pembelajaran yang lebih bermakna dan berasaskan pengalaman. Keadaan ini menyumbang kepada persepsi negatif murid terhadap mata pelajaran Sejarah serta tahap minat belajar yang sederhana atau rendah.
Kebergantungan terhadap buku teks sebagai sumber utama pengajaran masih menjadi cabaran dalam bilik darjah sejarah, terutamanya apabila pendekatan pengajaran berorientasikan hafalan mengurangkan peluang murid untuk terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran. Selain itu, kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada keberkesanan penggunaan sumber dalam konteks sekolah menengah atau

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pendidikan tinggi, manakala kajian empirikal yang melibatkan murid sekolah rendah masih terhad. Kekurangan bukti empirikal ini menyebabkan hubungan antara penggunaan sumber pengajaran dengan minat belajar Sejarah murid sekolah rendah kurang difahami secara menyeluruh, khususnya dalam konteks pendidikan di Malaysia. Hal ini selari dengan dapatan Harris dan Hofer (2011) yang menegaskan bahawa walaupun integrasi sumber dan teknologi interaktif berpotensi meningkatkan penglibatan dan keberkesanan pembelajaran, pelaksanaannya sangat bergantung kepada kesiapsiagaan pedagogi guru serta perancangan instruksional yang sistematik.Tambahan pula, kajian yang meneliti hubungan statistik antara penggunaan sumber dalam pengajaran Sejarah dengan minat belajar murid sekolah rendah adalah terhad, sedangkan aspek minat merupakan faktor penting yang mempengaruhi penglibatan, motivasi dan keberkesanan pembelajaran. Oleh itu, terdapat keperluan untuk menjalankan kajian yang sistematik bagi menilai sejauh mana penggunaan sumber dalam pengajaran Sejarah berkait dengan minat belajar murid sekolah rendah, khususnya di daerah Petaling Jaya.

1.2. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk:

i. Menentukan tahap penggunaan sumber dalam pengajaran Sejarah dalam kalangan murid sekolah rendah di daerah Petaling Jaya.
ii. Menentukan tahap minat belajar Sejarah dalam kalangan murid sekolah rendah di daerah Petaling Jaya.
iii. Menganalisis hubungan antara penggunaan sumber dalam pengajaran Sejarah dengan minat belajar Sejarah dalam kalangan murid sekolah rendah di daerah Petaling Jaya.

2. Sorotan Kajian

Perbahasan mengenai penggunaan sumber dalam pengajaran sejarah dan hubungannya dengan minat belajar sejarah merupakan topik yang semakin relevan dalam landskap pendidikan abad ke-21. Dalam konteks Malaysia, mata pelajaran Sejarah diwajibkan sehingga peringkat peperiksaan SPM sebagai sebahagian daripada usaha negara membina jati diri, identiti nasional dan kesedaran sivik. Walaupun kepentingannya tidak dapat disangkal, terdapat cabaran besar dalam menarik minat generasi muda terhadap mata pelajaran ini. Murid sering melihat sejarah sebagai mata pelajaran yang berorientasikan hafalan fakta dan tarikh tanpa memahami konteks serta proses interpretasi sejarah, terutamanya apabila pendekatan pengajaran tidak menekankan pemikiran sejarah secara kritikal (Wineburg, 1991).Justeru, penggunaan sumber yang lebih pelbagai dan autentik dalam pengajaran dilihat sebagai satu metod untuk menambah baik kaedah pedagogi, menjadikan sejarah lebih hidup serta meningkatkan minat murid untuk terus mendalami ilmu ini.

Penggunaan sumber dalam pendidikan merujuk kepada penggunaan bahan dan alat oleh guru dalam menyampaikan isi kandungan serta menyokong proses pemahaman murid untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran (UNESCO, 2015). Sumber-sumber ini termasuklah dokumen sejarah primer seperti manuskrip, surat rasmi, laporan kolonial, peta, diari dan gambar, serta sumber sekunder seperti buku teks, artikel akademik dan karya rujukan. Selain itu, perkembangan teknologi digital turut memperluaskan takrifan sumber kepada bahan multimedia, simulasi komputer, realiti maya (VR), realiti tambahan (AR), aplikasi interaktif dan arkib digital. Wineburg (1991)

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

menegaskan bahawa kemahiran menilai, menganalisis dan menafsir bukti sejarah bukan sesuatu yang wujud secara semula jadi dalam kalangan pelajar; oleh itu, pembelajaran berasaskan sumber perlu disokong oleh strategi pedagogi yang berkesan untuk membangunkan *historical thinking* secara kritikal. Dalam konteks kajian ini, penggunaan sumber berperanan sebagai pemboleh ubah bebas yang dihipotesiskan mempunyai pengaruh signifikan terhadap minat murid terhadap sejarah.

Minat belajar ditakrifkan sebagai kecenderungan dalaman murid untuk memberi tumpuan, menunjukkan kesungguhan serta menikmati proses pembelajaran sesuatu mata pelajaran (Hidi & Renninger, 2006). Minat belajar bukan sahaja melibatkan keterujaan emosi, malah merangkumi keterlibatan kognitif dan tingkah laku murid dalam aktiviti pembelajaran. Oleh itu, kajian tentang hubungan antara penggunaan sumber dengan minat belajar sejarah adalah penting kerana ia menghubungkan dimensi pedagogi (kaedah pengajaran guru) dengan dimensi psikologi murid (minat dan motivasi).

Kajian lepas, baik di Malaysia mahupun antarabangsa, menunjukkan bahawa penggunaan sumber berupaya meningkatkan keberkesanan pengajaran sejarah. Sebagai contoh, Makransky dan Lilleholt (2018) mendapati bahawa integrasi teknologi realiti maya dalam pengajaran dapat meningkatkan keterlibatan emosi dan motivasi pelajar kerana pengalaman pembelajaran yang imersif menjadikan mereka seolah-olah berada dalam persekitaran pembelajaran tersebut. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Wineburg (1991) yang menunjukkan bahawa pendedahan kepada dokumen sejarah autentik seperti surat, gambar dan rekod arkib mendorong murid untuk menilai bukti secara kritikal, sekali gus meningkatkan penglibatan kognitif dalam pembelajaran sejarah. Murid yang terdedah kepada bukti sejarah sebenar lebih bersemangat untuk bertanya, menilai dan berbincang berbanding hanya menerima maklumat daripada buku teks semata-mata.

Dalam kajian antarabangsa, integrasi sumber digital turut memainkan peranan besar dalam meningkatkan motivasi dan keterlibatan pelajar dalam pembelajaran sejarah. Sebagai contoh, Schindler et al. (2017) mendapati bahawa penggunaan teknologi berasaskan komputer dan sumber digital dapat meningkatkan penglibatan serta motivasi pelajar terhadap pembelajaran secara umum. Selain itu, kajian jelas menunjukkan bahawa pemanfaatan muzium sebagai alat pembelajaran sejarah dapat meningkatkan penglibatan dan minat pelajar dengan cara membolehkan mereka berinteraksi secara langsung dengan koleksi artifak serta konteks budaya, sekaligus memperkukuh pemahaman mereka terhadap peristiwa sejarah (Latief et al., 2024).

Namun begitu, meskipun terdapat bukti kukuh tentang kepentingan penggunaan sumber, beberapa jurang pengetahuan masih wujud. Pertama, kebanyakan kajian terdahulu lebih menekankan penggunaan teknologi digital seperti VR dan aplikasi interaktif (Harris & Hofer, 2011), namun perbandingan empirikal antara keberkesanan sumber primer tradisional dan sumber digital masih terhad.

Kedua, walaupun banyak kajian menunjukkan peningkatan motivasi jangka pendek, persoalan sama ada minat tersebut dapat dikekalkan dalam jangka panjang masih diperdebatkan (Hidi & Renninger, 2006). Ketiga, konteks kajian tempatan di Malaysia masih kurang diberi perhatian dari sudut perbandingan antara bandar dan luar bandar, walhal faktor akses terhadap teknologi dan sumber mungkin mempengaruhi dapatan kajian. Jurang ini membuka ruang penting untuk penyelidikan lanjut yang menilai

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

hubungan antara penggunaan sumber dan minat belajar dalam konteks pendidikan sejarah Malaysia secara lebih menyeluruh.

Kajian-kajian terdahulu juga menimbulkan beberapa kontroversi. Antaranya, terdapat sarjana yang berhujah bahawa penggunaan sumber sejarah boleh menjadi mencabar kepada pelajar kerana memerlukan kemahiran analisis, penilaian bukti dan pemikiran heuristik yang kompleks (Wineburg, 1991). Namun demikian, kajian menunjukkan bahawa dengan bimbingan dan scaffolding guru yang sistematik, pelajar sekolah menengah mampu membangunkan kemahiran asas analisis sumber seperti mengenal pasti maklumat penting, menilai bukti dan membandingkan pelbagai perspektif sejarah (VanSledright, 2002; Wineburg, 1991). Hal ini menunjukkan bahawa cabaran penggunaan sumber bukan terletak pada tahap murid semata-mata, tetapi lebih kepada kaedah pedagogi yang digunakan oleh guru.

Selain itu, terdapat juga dapatan yang menunjukkan hubungan yang tidak konsisten antara penggunaan teknologi atau sumber multimedia dengan hasil pembelajaran murid. Kajian literatur oleh Schindler et al. (2017) mendapati bahawa walaupun penggunaan teknologi dalam bilik darjah sering meningkatkan penglibatan dan minat murid, kesannya terhadap pencapaian akademik adalah tidak seragam dan bergantung kepada cara pelaksanaan serta reka bentuk pedagogi. Dapatan ini menunjukkan bahawa peningkatan minat tidak semestinya membawa kepada peningkatan prestasi akademik secara langsung. Sebaliknya, kajian oleh Saye dan Brush (2002) menunjukkan bahawa penggunaan persekitaran pembelajaran multimedia dalam pengajaran sejarah dapat meningkatkan keterlibatan dan pemikiran kritis pelajar apabila disertai dengan bimbingan pedagogi yang sesuai. Perbezaan konteks ini menunjukkan keperluan untuk kajian lanjut dalam pelbagai latar budaya dan sistem pendidikan bagi memahami faktor yang mempengaruhi keberkesanan integrasi sumber interaktif dalam bilik darjah sejarah.

Berdasarkan sintesis kajian lepas (Abdul Razaq et al., 2015; Wineburg, 1991), jelas bahawa penggunaan sumber berpotensi besar untuk meningkatkan minat murid terhadap sejarah, namun keberkesanannya dipengaruhi oleh konteks pendidikan dan strategi pedagogi yang digunakan (VanSledright, 2014). Oleh itu, hipotesis kajian semasa dibina bahawa penggunaan sumber sejarah, sama ada primer, sekunder mahupun digital, mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap minat murid dalam mempelajari sejarah, selaras dengan model perkembangan minat yang menekankan peranan pengalaman pembelajaran bermakna (Hidi & Renninger, 2006). Kajian ini juga berhasrat mengisi jurang sedia ada dengan memberi tumpuan khusus kepada konteks Malaysia yang masih terhad dalam kajian empirikal berkenaan penggunaan sumber dalam bilik darjah sejarah (Abdul Razaq et al., 2015).

Kesimpulannya, literatur semasa menunjukkan bahawa penggunaan sumber dalam pengajaran sejarah bukan sekadar alternatif pedagogi tetapi keperluan dalam era pendidikan abad ke-21 untuk memastikan mata pelajaran ini terus relevan dan menarik minat murid. Kajian ini berusaha menghubungkan dapatan antarabangsa dengan konteks tempatan, seterusnya menilai sejauh mana penggunaan sumber boleh meningkatkan minat belajar sejarah dalam kalangan murid sekolah menengah di Malaysia. Dengan itu, hasil kajian dijangka menyumbang kepada pengayaan pedagogi sejarah, selain memberi panduan praktikal kepada guru dan pembuat dasar pendidikan dalam merangka strategi untuk memperkukuh minat generasi muda terhadap mata pelajaran yang penting ini.

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

3. Metod Kajian

Metod yang digunakan dalam kajian ini merangkumi reka bentuk kajian, populasi dan sampel, kaedah persampelan, instrumen kajian, proses pembinaan instrumen, kesahan dan kebolehpercayaan, prosedur pengumpulan data serta kaedah analisis data yang digunakan. Semua komponen ini disusun secara sistematik bagi memastikan kajian dapat dilaksanakan dengan teratur, sah dan boleh dipercayai, serta selaras sepenuhnya dengan objektif untuk menilai tahap penggunaan sumber dalam pengajaran sejarah, tahap minat belajar sejarah, perbezaan berdasarkan faktor demografi dan hubungan antara pemboleh ubah tersebut dalam kalangan murid sekolah rendah di daerah Petaling Jaya.

3.1. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif berbentuk tinjauan deskriptif dan inferensi. Pemilihan reka bentuk ini adalah bersandarkan objektif kajian yang memerlukan data berskala besar serta analisis statistik untuk menentukan tahap, perbezaan dan hubungan antara pemboleh ubah. Tinjauan kuantitatif melalui soal selidik merupakan kaedah yang paling sesuai kerana kaedah ini membolehkan pengkaji memperoleh data yang sistematik dan standard daripada jumlah responden yang ramai dalam tempoh masa yang singkat. Reka bentuk ini juga selaras dengan amalan dalam penyelidikan pendidikan yang menekankan keperluan untuk mengukur pola, kecenderungan, persepsi serta motivasi murid secara objektif. Pendekatan ini turut membolehkan pengkaji membuat generalisasi secara menyeluruh tentang populasi murid sekolah rendah di daerah Petaling Jaya.

3.2. Populasi Kajian

Populasi kajian terdiri daripada murid sekolah rendah Tahap 2 di daerah Petaling Jaya yang mengikuti mata pelajaran Sejarah secara formal dalam kurikulum KSSR Semakan 2017. Populasi ini dipilih kerana mereka mempunyai kepelbagaian latar demografi yang diperlukan untuk menjawab persoalan yang berkaitan perbezaan mengikut umur, jantina dan Tahap Penguasaan (TP) Sejarah. Bagi tujuan kajian ini, saiz sampel ditetapkan adalah 203 orang murid. Penetapan jumlah ini disandarkan kepada cadangan Krejcie dan Morgan (1970) yang menyatakan bahawa sampel yang berada dalam julat tersebut mencukupi untuk tujuan analisis statistik inferensi dan korelasi Pearson. Sampel bersaiz sederhana besar ini juga mampu memberikan gambaran yang lebih tepat terhadap populasi murid di daerah tersebut, sekali gus meningkatkan ketepatan dapatan.

Kaedah persampelan rawak berstrata digunakan dalam kajian ini. Kaedah ini dipilih kerana kajian melibatkan analisis perbezaan berdasarkan faktor demografi tertentu. Justeru pembahagian strata mengikut umur, jantina dan Tahap Penguasaan Sejarah memastikan setiap kumpulan mempunyai wakil yang mencukupi. Selepas pembentukan strata, pemilihan responden dibuat secara rawak untuk mengurangkan bias pengkaji dan memastikan setiap murid mempunyai peluang yang sama dipilih. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kebolehpercayaan kajian, malah memastikan data yang dikumpul benar-benar mencerminkan populasi sebenar murid sekolah rendah di daerah Petaling Jaya.

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Dari segi etika kajian, semua aspek berkaitan hak dan privasi murid dipatuhi sepenuhnya. Persetujuan untuk melaksanakan soal selidik dengan murid dibuat melalui pihak sekolah, manakala identiti responden dirahsiakan dan semua data hanya digunakan untuk tujuan akademik. Murid turut dimaklumkan bahawa penyertaan mereka adalah secara sukarela dan mereka boleh menarik diri pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi. Dengan pematuhan etika ini, kajian diharapkan dapat memberikan gambaran yang sah dan boleh dipercayai tentang penggunaan sumber dan minat belajar sejarah dalam kalangan murid sekolah rendah di daerah Petaling Jaya.

3.3. Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik berstruktur yang dibina khusus berdasarkan objektif kajian. Instrumen ini terdiri daripada tiga bahagian utama. Bahagian A mengumpul maklumat demografi iaitu umur, jantina dan Tahap Penguasaan PBD Mata Pelajaran Sejarah. Bahagian B mengukur tahap penggunaan sumber dalam pengajaran sejarah termasuk penggunaan buku rujukan, buku teks, bahan digital dan sumber primer. Bahagian C pula mengukur tahap minat murid terhadap pembelajaran sejarah yang merangkumi aspek keterlibatan dalam pengajaran dan pembelajaran, inisiatif belajar, komitmen kerja rumah dan proaktif. Seterusnya, Bahagian B dan Bahagian C masing-masing mengandungi lima item bagi setiap aspek, menjadikan keseluruhan instrumen soal selidik terdiri daripada 40 item. Item bagi Bahagian B dan C menggunakan Skala Likert 5 mata bermula daripada “sangat tidak setuju” sehingga “sangat setuju” kerana skala ini sesuai untuk mengukur persepsi, minat serta sikap murid sekolah rendah secara kuantitatif dan mudah difahami oleh responden.

Dari segi etika kajian, semua aspek berkaitan hak dan privasi murid dipatuhi sepenuhnya. Persetujuan untuk melaksanakan soal selidik dengan murid dibuat melalui pihak sekolah, manakala identiti responden dirahsiakan dan semua data hanya digunakan untuk tujuan akademik. Murid turut dimaklumkan bahawa penyertaan mereka adalah secara sukarela dan mereka boleh menarik diri pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi. Dengan pematuhan etika ini, kajian diharapkan dapat memberikan gambaran yang sah dan boleh dipercayai tentang penggunaan sumber dan minat belajar sejarah dalam kalangan murid sekolah rendah di daerah Petaling Jaya.

Instrumen soal selidik dalam kajian ini diadaptasi daripada beberapa kajian terdahulu yang berkaitan dengan penggunaan sumber dalam pengajaran sejarah dan minat belajar murid. Item-item soal selidik telah diubah suai dari segi bahasa, struktur ayat dan konteks kandungan bagi memastikan kesesuaiannya dengan tahap kefahaman murid sekolah rendah tanpa mengubah maksud asal konstruk yang diukur. Proses adaptasi ini dibuat dengan merujuk kepada kerangka penggunaan sumber dan pemikiran sejarah yang dibincangkan dalam kajian terdahulu (Abdul Razaq et al., 2015; Wineburg, 1991), yang menekankan kepentingan sumber autentik, penglibatan aktif murid dan pembinaan kefahaman sejarah secara bermakna.

3.4. Kaedah Pengumpulan Data

Prosedur pengumpulan data dilaksanakan secara teratur bagi memastikan ketepatan dan integriti data. Pengkaji terlebih dahulu mendapatkan kebenaran rasmi daripada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Petaling Jaya. Seterusnya, pihak sekolah dihubungi untuk menetapkan tarikh dan masa pelaksanaan kajian. Taklimat ringkas diberikan kepada murid bagi menjelaskan tujuan kajian, kerahsiaan maklumat serta arahan

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

menjawab soal selidik. Pengumpulan data dilaksanakan sama ada melalui edaran soal selidik bercetak atau borang Google Form bergantung kepada kesesuaian sekolah. Pengkaji memastikan murid menjawab soal selidik dengan jujur dan tanpa sebarang paksaan. Soal selidik kemudian dikumpulkan dan disemak bagi memastikan semua item dijawab dengan lengkap sebelum dianalisis.

3.5. Analisis Data

Kaedah analisis data bagi kajian ini dijalankan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Sebelum analisis inferensi dilaksanakan, ujian kenormalan data telah dijalankan bagi memastikan data memenuhi andaian analisis parametrik. Ujian Kolmogorov-Smirnov dan Shapiro-Wilk digunakan untuk menilai taburan data, dan keputusan menunjukkan bahawa data adalah bertaburan normal *(p* > .05), justeru membolehkan analisis parametrik dijalankan.

Analisis statistik deskriptif digunakan untuk menentukan tahap penggunaan sumber dalam pengajaran sejarah dan minat belajar sejarah murid. Statistik seperti min dan sisihan piawai digunakan bagi menggambarkan kecenderungan dan variasi data berdasarkan skor skala Likert. Penentuan tahap (rendah, sederhana dan tinggi) dibuat berdasarkan interpretasi julat skor min yang telah ditetapkan.

Bagi menjawab objektif kajian yang berkaitan dengan hubungan antara pemboleh ubah, analisis korelasi Pearson digunakan untuk menentukan kekuatan dan arah hubungan antara penggunaan sumber dalam pengajaran sejarah dengan minat belajar sejarah murid. Tahap signifikan ditetapkan pada aras $p < .05$ bagi menentukan sama ada hubungan yang diperoleh adalah signifikan secara statistik. Pemilihan kaedah analisis ini adalah selaras dengan reka bentuk kajian, objektif kajian, serta kesesuaian data yang diperoleh daripada skala Likert.

4. Dapatan Kajian

4.1. Demografi Responden

Demografi responden yang terlibat dalam kajian, meliputi aspek jantina, tahun persekolahan, dan tahap pencapaian (TP) mata pelajaran Sejarah. Berdasarkan Jadual 1 berikut, kajian ini melibatkan seramai 203 orang murid sekolah rendah sebagai responden, yang terdiri daripada 100 orang murid lelaki (49.3%) dan 103 orang murid perempuan (50.7%), menunjukkan taburan jantina yang hampir seimbang. Dari segi tahun persekolahan, majoriti responden ialah murid Tahun 5 seramai 85 orang (41.9%), diikuti oleh murid Tahun 6 seramai 68 orang (33.5%) dan murid Tahun 4 seramai 50 orang (24.6%), sekali gus mencerminkan penglibatan murid daripada peringkat pertengahan hingga akhir sekolah rendah. Dari aspek tahap pencapaian mata pelajaran Sejarah, sebahagian besar murid berada pada TP 5, iaitu seramai 107 orang murid (52.7%), diikuti oleh TP 6 seramai 64 orang murid (31.5%), manakala TP 4 mencatatkan 26 orang murid (12.8%) dan hanya 6 orang murid (3.0%) berada pada TP 3, menunjukkan bahawa majoriti murid mempunyai tahap penguasaan sejarah yang baik hingga sangat baik.

Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa hampir keseluruhan murid menyatakan bahawa guru pernah menggunakan sumber dalam pengajaran sejarah, iaitu seramai 201 orang murid (99.0%), manakala hanya 2 orang murid (1.0%) menyatakan sebaliknya,

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

sekali gus menunjukkan bahawa penggunaan sumber dalam pengajaran sejarah merupakan amalan yang lazim dalam konteks kajian ini.

Jadual 1: Demografi responden

Angkubah	Kategori	Frekuensi	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	100	49.3
	Perempuan	103	50.7
Tahun	Tahun 4	50	24.6
	Tahun 5	85	41.9
	Tahun 6	68	33.5
Tahap Pencapaian (TP) Sejarah	TP 3	6	3.0
	TP 4	26	12.8
	TP 5	107	52.7
	TP 6	64	31.5
Guru pernah menggunakan sumber dalam pengajaran sejarah	Ya	201	1.0
	Tidak	2	99.0

4.2. Penggunaan Sumber

Penggunaan sumber dalam pengajaran sejarah merupakan aspek penting dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan minat murid. Jadual 2 menunjukkan purata min, sisihan piawai (SP), dan interpretasi tahap penggunaan sumber berdasarkan empat kategori utama iaitu buku rujukan, buku teks, sumber primer, dan sumber digital.

Jadual 2: Purata min, sisihan piawai (SP), dan interpretasi tahap penggunaan sumber

No	Item	Min	SP	Interpretasi
1.	Penggunaan Buku Rujukan	4.29	0.658	Tinggi
2.	Penggunaan Buku Teks	4.54	0.551	Tinggi
3.	Penggunaan Sumber Primer	4.50	0.578	Tinggi
4.	Penggunaan Sumber Digital	4.48	0.610	Tinggi
	Keseluruhan	4.45	0.599	Tinggi

Berdasarkan Jadual 2, dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan sumber dalam pengajaran sejarah berada pada tahap tinggi secara keseluruhan, dengan purata min keseluruhan sebanyak 4.45 dan sisihan piawai 0.599. Dapatan ini mencerminkan bahawa guru menggunakan pelbagai jenis sumber secara konsisten dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah rendah. Antara kategori yang dianalisis, penggunaan buku teks mencatatkan purata min tertinggi iaitu 4.54 (SP = 0.551), menunjukkan bahawa buku teks masih menjadi sumber utama dalam pengajaran sejarah, khususnya dalam membantu murid memahami isi kandungan melalui penggunaan gambar, carta, dan peta yang disediakan dalam buku tersebut.

Selain itu, penggunaan sumber primer turut menunjukkan tahap yang tinggi dengan purata min 4.50 (SP = 0.578). Dapatan ini menunjukkan bahawa guru berusaha mendedahkan murid kepada dokumen, gambar, dan bukti sejarah sebenar bagi

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

meningkatkan kefahaman dan keupayaan murid mengingati fakta sejarah. Penggunaan sumber primer ini juga menjadikan pembelajaran lebih autentik dan berasaskan bukti, selari dengan pendekatan pembelajaran sejarah yang menekankan pemikiran sejarah dan penerokaan bukti.

Penggunaan sumber digital pula mencatatkan purata min 4.48 (SP = 0.610), menunjukkan bahawa guru semakin mengintegrasikan teknologi seperti video, audio, slaid pembentangan, laman web pendidikan, dan televisyen dalam pengajaran sejarah. Penggunaan sumber digital ini membantu menjadikan pembelajaran lebih interaktif, menarik, dan bersesuaian dengan gaya pembelajaran murid masa kini, sekali gus berpotensi meningkatkan minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah.

Sementara itu, penggunaan buku rujukan juga berada pada tahap tinggi dengan purata min 4.29 (SP = 0.658). Walaupun mencatatkan min yang lebih rendah berbanding kategori lain, dapatan ini menunjukkan bahawa guru masih menggunakan buku rujukan tambahan sebagai sokongan kepada pengajaran, terutamanya dalam memberi tugasan dan memperkukuh kefahaman murid terhadap topik tertentu. Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini membuktikan bahawa penggunaan pelbagai sumber pengajaran secara menyeluruh dan seimbang diamalkan oleh guru sejarah, sekali gus menyokong usaha meningkatkan keberkesanan pengajaran serta minat belajar murid.

4.3. Minat Belajar

Berdasarkan Jadual 3, dapatan kajian menunjukkan bahawa minat belajar sejarah dalam kalangan murid berada pada tahap tinggi secara keseluruhan, dengan purata min keseluruhan sebanyak 4.48 dan sisihan piawai 0.590. Dapatan ini menunjukkan bahawa murid mempunyai kecenderungan positif terhadap pembelajaran sejarah, yang dapat dilihat melalui penglibatan aktif, motivasi, dan sikap bertanggungjawab terhadap tugasan pembelajaran. Kesemua empat konstruk yang dianalisis mencatatkan purata min melebihi 4.40, sekali gus mengesahkan tahap minat belajar yang tinggi dalam kalangan responden kajian.

Jadual 3: Purata min, sisihan piawai (SP), dan interpretasi tahap minat murid

No	Item	Min	SP	Interpretasi
1.	Keterlibatan dalam PdPc	4.42	0.603	Tinggi
2.	Inisiatif Belajar	4.48	0.617	Tinggi
3.	Komitmen Kerja Rumah	4.52	0.559	Tinggi
4.	Proaktif	4.50	0.582	Tinggi
	Keseluruhan	4.48	0.590	Tinggi

Bagi konstruk pertama, iaitu penggunaan buku rujukan, purata min yang diperoleh adalah 4.42 (SP = 0.603), menunjukkan tahap minat yang tinggi. Murid didapati menunjukkan kesediaan untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran sejarah apabila guru menggunakan pelbagai sumber pengajaran. Dapatan ini dapat dilihat melalui sikap murid yang lebih fokus semasa PdP, tidak mudah terganggu, serta bersemangat dan aktif dalam perbincangan kumpulan. Keadaan ini menunjukkan bahawa kepelbagaian sumber pengajaran mampu meningkatkan penglibatan dan keseronokan murid dalam pembelajaran sejarah.

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Seterusnya, konstruk penggunaan buku teks mencatatkan purata min 4.48 (SP = 0.617), juga berada pada tahap tinggi. Murid menunjukkan inisiatif kendiri seperti mencari maklumat tambahan di rumah, menonton video sejarah, membuat catatan sendiri, dan membina peta minda bagi membantu kefahaman. Selain itu, murid turut berani bertanya kepada guru apabila tidak memahami isi pelajaran. Dapatan ini menunjukkan bahawa buku teks bukan sahaja berfungsi sebagai sumber rujukan utama, malah menjadi pemangkin kepada pembelajaran kendiri dan peningkatan minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah.

Bagi konstruk penggunaan sumber primer, purata min tertinggi dicatatkan iaitu 4.52 (SP = 0.559). Dapatan ini menunjukkan bahawa pendedahan kepada sumber autentik seperti dokumen sejarah dan pelbagai rujukan mendorong murid untuk lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka. Murid didapati sentiasa menyiapkan kerja rumah, menghantar tugasan mengikut masa, membuat ulang kaji walaupun tanpa tugasan, serta berusaha menghasilkan kerja sejarah yang terbaik. Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan sumber primer bukan sahaja meningkatkan kefahaman, malah menggalakkan sikap positif dan komitmen murid terhadap pembelajaran sejarah.

Selain itu, konstruk penggunaan sumber digital turut menunjukkan tahap minat yang tinggi dengan purata min 4.50 (SP = 0.582). Murid didapati aktif bertanya soalan, menyertai kuiz atau pertandingan sejarah, berkongsi ilmu dengan rakan, serta menunjukkan minat terhadap penerokaan sejarah di tempat yang dilawati. Murid juga menunjukkan sikap saling membantu rakan yang kurang faham, mencerminkan pembelajaran kolaboratif yang positif. Dapatan ini menunjukkan bahawa penggunaan sumber digital mampu menjadikan pembelajaran sejarah lebih interaktif, menyeronokkan, dan bermakna kepada murid.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini membuktikan bahawa minat belajar sejarah murid berada pada tahap yang tinggi, sejajar dengan penggunaan pelbagai sumber pengajaran oleh guru. Kepelbagaian sumber seperti buku rujukan, buku teks, sumber primer, dan sumber digital bukan sahaja meningkatkan kefahaman murid, malah menyumbang kepada sikap positif, penglibatan aktif, dan motivasi murid dalam pembelajaran sejarah.

4.4. Hubungan Antara Penggunaan Sumber Dan Minat Belajar Sejarah

Analisis korelasi Pearson telah dijalankan bagi menentukan hubungan antara penggunaan sumber dalam pengajaran sejarah dengan minat belajar sejarah murid sekolah rendah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang kuat dan signifikan antara penggunaan sumber dalam pengajaran sejarah dengan minat belajar sejarah murid. Nilai pekali korelasi yang diperoleh ialah $r = 0.808$ dengan nilai signifikan $p < 0.001$ pada aras signifikan 0.01, melibatkan seramai 203 orang responden. Nilai korelasi ini menunjukkan hubungan pada tahap kuat, yang membawa maksud bahawa semakin tinggi tahap penggunaan sumber dalam pengajaran sejarah, semakin tinggi tahap minat belajar sejarah dalam kalangan murid. Hubungan positif yang signifikan ini membuktikan bahawa penggunaan sumber dalam pengajaran sejarah mempunyai kaitan yang jelas dengan minat belajar murid terhadap mata pelajaran tersebut. Oleh itu, hipotesis nol (H_0) ditolak dan hipotesis alternatif (H_1) diterima, kerana terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan sumber dalam pengajaran sejarah dengan minat belajar sejarah murid sekolah rendah.

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

5. Perbincangan

Kajian ini dijalankan untuk meneliti hubungan antara penggunaan sumber dalam pengajaran sejarah dengan minat belajar sejarah dalam kalangan murid sekolah rendah. Secara khusus, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap penggunaan sumber dalam pengajaran sejarah, menilai tahap minat belajar murid serta menentukan sama ada wujud hubungan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Berdasarkan dapatan kajian, penggunaan sumber dalam pengajaran sejarah dan minat belajar sejarah murid didapati berada pada tahap tinggi. Selain itu, analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan positif yang kuat dan signifikan antara penggunaan sumber dan minat belajar sejarah murid. Dapatan ini selari dengan pandangan bahawa kualiti pengajaran sejarah amat dipengaruhi oleh kepelbagaian dan keberkesanan sumber yang digunakan oleh guru (Levstik & Barton, 2011; Wineburg, 2001).

Dapatan kajian ini menegaskan bahawa penggunaan sumber pengajaran yang pelbagai memainkan peranan penting dalam mempengaruhi minat murid terhadap pembelajaran sejarah. Hubungan yang kuat ($r = 0.808$, $p < 0.001$) menunjukkan bahawa peningkatan penggunaan sumber seperti buku rujukan, buku teks, sumber primer dan sumber digital berkait rapat dengan peningkatan minat belajar murid. Hal ini menyokong pandangan bahawa pendekatan pengajaran sejarah berasaskan sumber mampu menjadikan proses pembelajaran lebih bermakna, menarik dan berpusatkan murid, sekali gus menggalakkan penglibatan aktif dalam bilik darjah (Wineburg, 2001; Barton & Levstik, 2004).

Seterusnya, dapatan kajian ini menyokong objektif kajian yang bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara penggunaan sumber dan minat belajar sejarah. Keputusan kajian menunjukkan bahawa apabila guru memanfaatkan pelbagai sumber pengajaran secara terancang dan berkesan, murid lebih cenderung untuk memberi perhatian, menunjukkan penglibatan aktif serta mempunyai motivasi yang lebih tinggi dalam pembelajaran sejarah. Dapatan ini sejajar dengan teori pembelajaran konstruktivisme yang menekankan pembinaan pengetahuan melalui pengalaman, penerokaan dan interaksi dengan bahan pembelajaran yang autentik (Piaget, 1970; Vygotsky, 1978).

Seterusnya, dapatan kajian ini juga adalah selari dengan kajian-kajian lepas yang mendapati bahawa penggunaan sumber pengajaran yang pelbagai dapat meningkatkan minat dan penglibatan murid dalam pembelajaran sejarah. Kajian oleh Wineburg (2001) menunjukkan bahawa penggunaan sumber sejarah primer membantu murid memahami peristiwa sejarah secara lebih mendalam dan kritis, sekali gus meningkatkan minat mereka terhadap mata pelajaran Sejarah. Begitu juga, kajian oleh Levstik dan Barton (2011) mendapati bahawa pendedahan kepada bahan sejarah yang autentik dapat merangsang pemikiran sejarah serta menjadikan pembelajaran lebih relevan dengan kehidupan murid.

Selain itu, penggunaan sumber digital dalam pengajaran sejarah turut dikenal pasti sebagai faktor penting dalam meningkatkan minat belajar murid. Kajian oleh Prensky (2001) dan Mayer (2009) menunjukkan bahawa penggunaan multimedia seperti video, animasi dan bahan digital interaktif dapat menarik perhatian murid serta membantu meningkatkan kefahaman mereka terhadap kandungan pembelajaran. Dapatan kajian ini mengukuhkan lagi pandangan bahawa integrasi teknologi dan sumber digital dalam

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

pengajaran sejarah bukan sahaja selari dengan keperluan murid abad ke-21, malah mampu mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih menarik dan berkesan (Harris & Hofer, 2011).

Di samping itu, dapatan kajian ini turut menyokong kajian tempatan yang menekankan kepentingan penggunaan sumber pengajaran dalam meningkatkan minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah. Kajian oleh Abdul Razaq et al. (2015) mendapati bahawa pengajaran sejarah yang kreatif dan berasaskan sumber dapat mengurangkan persepsi murid bahawa sejarah merupakan mata pelajaran yang membosankan. Oleh itu, dapatan kajian ini mengesahkan bahawa penggunaan sumber pengajaran yang berkesan bukan sahaja membantu meningkatkan kefahaman murid, malah berupaya membentuk sikap positif dan minat yang lebih mendalam terhadap pembelajaran sejarah.

Secara keseluruhannya, perbincangan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan sumber dalam pengajaran sejarah mempunyai hubungan yang signifikan dengan minat belajar sejarah murid sekolah rendah. Dapatan ini mengukuhkan pandangan bahawa pendekatan pengajaran berasaskan sumber merupakan satu strategi yang berkesan dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran sejarah serta wajar diperkasakan secara berterusan di peringkat sekolah rendah.

6. Kesimpulan

Kajian ini meneliti hubungan antara penggunaan sumber dalam pengajaran sejarah dengan minat belajar sejarah dalam kalangan murid sekolah rendah di daerah Petaling Jaya dan mendapati bahawa kedua-dua pemboleh ubah tersebut berada pada tahap yang tinggi. Dapatan analisis korelasi Pearson menunjukkan wujud hubungan positif yang kuat dan signifikan antara penggunaan sumber dan minat belajar sejarah murid, sekali gus membuktikan bahawa penggunaan sumber pengajaran yang pelbagai memainkan peranan penting dalam meningkatkan minat, penglibatan dan motivasi murid terhadap pembelajaran sejarah. Secara keseluruhannya, kajian ini mengesahkan bahawa pendekatan pengajaran sejarah yang berasaskan sumber mampu menjadikan pembelajaran lebih bermakna, menarik dan berpusatkan murid, serta berpotensi mengubah persepsi murid terhadap mata pelajaran Sejarah ke arah pembelajaran yang lebih autentik dan kontekstual. Oleh itu, dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada usaha memperkukuh kualiti pengajaran dan pembelajaran sejarah di sekolah rendah serta menjadi rujukan kepada pengamal pendidikan dalam merancang pengajaran sejarah yang lebih berkesan.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Kajian ini telah mendapat kelulusan etika penyelidikan daripada Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Penyertaan responden adalah secara sukarela dan persetujuan dimaklumkan telah diperoleh sebelum pengumpulan data dijalankan. Identiti responden dirahsiakan sepenuhnya dan semua data yang dikumpulkan digunakan hanya untuk tujuan akademik dan penyelidikan.

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Jaya, pihak pentadbiran sekolah serta semua guru dan murid sekolah rendah yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini atas kerjasama dan sokongan yang diberikan sepanjang pelaksanaan kajian.

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan daripada mana-mana agensi awam, komersial atau organisasi bukan berasaskan keuntungan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan dalam pelaksanaan dan penerbitan kajian ini.

Rujukan

Abdul Razaq Ahmad, Ahmad Ali Seman, & Shamsiah Mohamed. (2015). *Pengajaran dan pembelajaran sejarah berasaskan pemikiran sejarah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Barton, K. C., & Levstik, L. S. (2004). *Teaching history for the common good*. Lawrence Erlbaum Associates.

Fahruddin, F., & Saefudin, A. (2025). *Primary sources in online history learning: enhancing engagement and retention. Cogent Education, 12*(1), 2452087. https://doi.org/10.1080/2331186X.2025.2452087

Harris, J. B., & Hofer, M. J. (2011). Technological pedagogical content knowledge in action. *Journal of Research on Technology in Education, 43*(3), 211–229. https://doi.org/10.1080/15391523.2011.10782570

Hidi, S., & Renninger, K. A. (2006). The four-phase model of interest development. *Educational Psychologist, 41*(2), 111–127. https://doi.org/10.1207/s15326985ep4102_4

Kaviza, M. (2019). Persepsi peranan murid terhadap pembelajaran berasaskan dokumen dalam mata pelajaran Sejarah. *Jurnal Pendidikan Malaysia, 44*(2), 10–19. http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2019-44.02-02

Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement, 30*(3), 607–610. https://doi.org/10.1177/001316447003000308

Latief, J. A., Iskandar, I., Jayanti, I. N., Fikri, M., Kurniati, W., & Adam, A. M. (2024). The utilization of museums as a contextual learning tool for history education for students of SMA Labschool Palu. *Indonesian Journal of Society Development, 3*(5), 297–304. https://doi.org/10.55927/ijsd.v3i5.11828

Lee, B. N. (2023). Digital tools & inquiry-based learning in history education. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities, 7*(4), 78–88. https://doi.org/10.33306/mjssh/255

Levstik, L. S., & Barton, K. C. (2011). *Doing history: Investigating with children in elementary and middle schools* (4th ed.). Routledge.

Makransky, G., & Lilleholt, L. (2018). A structural equation modeling investigation of the emotional value of immersive virtual reality in education. *Educational Technology*

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).

Research and Development, 66(5), 1141–1164. https://doi.org/10.1007/s11423-018-9581-2

Mayer, R. E. (2009). *Multimedia learning* (2nd ed.). Cambridge University Press.

Piaget, J. (1970). *Science of education and the psychology of the child*. Orion Press.

Prensky, M. (2001). Digital natives, digital immigrants. *On the Horizon, 9*(5), 1–6. https://doi.org/10.1108/10748120110424816

Saye, J. W., & Brush, T. (2002). Scaffolding critical reasoning about history and social issues in multimedia-supported learning environments. *Educational Technology Research and Development, 50*(3), 77–96. https://doi.org/10.1007/BF02505026

Schindler, L. A., Burkholder, G. J., Morad, O. A., & Marsh, C. (2017). Computer-based technology and student engagement: A critical review of the literature. *International Journal of Educational Technology in Higher Education, 14*(1), 25. https://doi.org/10.1186/s41239-017-0063-0

UNESCO. (2015). *Rethinking education: Towards a global common good?* UNESCO Publishing. https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000232555

VanSledright, B. A. (2002). *In search of America's past: Learning to read history in elementary school*. Teachers College Press.

VanSledright, B. A. (2014). *Assessing historical thinking and understanding: Innovative designs for new standards*. Routledge.

Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Harvard University Press.

Wineburg, S. (1991). Historical problem solving: A study of the cognitive processes used in the evaluation of documentary and pictorial evidence. *Journal of Educational Psychology, 83*(1), 73–87. https://doi.org/10.1037/0022-0663.83.1.73

Wineburg, S. (2001). *Historical thinking and other unnatural acts: Charting the future of teaching the past.* Temple University Press.

© 2026 by the authors. Published by Secholian Publication. This article is licensed under a Creative Commons Attribution 4.0 International License (CC BY).